



# **RUKUN NEGARA**

**Bahawasanya Negara Kita Malaysia**

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan  
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara  
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap  
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan  
sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,  
berikrar akan menumpukan  
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut  
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH PENDIDIKAN KHAS (SEMAKAN 2017)

# PENDIDIKAN MORAL

## (MASALAH PEMBELAJARAN)

TAHUN

3

### **PENULIS**

JAHARAH BINTI AMAN  
AZNATUL ZAIRA BINTI MOHD KASIM

### **EDITOR**

MOHD 'UDZAIR BIN DEPANAİK

### **PEREKA BENTUK**

NURUL IZZATI BINTI MOHD FADZIL

### **ILUSTRATOR**

MOHD SYARIF BIN IBRAHİM



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2018



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0108

KK 370-221-0102011-49-2063-20101  
ISBN 978-983-49-2063-0

Cetakan Pertama 2018  
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2018

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada pengiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)  
No. Faksimile: 03-21479643  
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Huruf:  
Nukilan Unggul Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim  
Saiz Muka Taip Teks: 18 poin

Dicetak oleh:  
Firdaus Press Sdn. Bhd.,  
No. 28, Jalan PBS 14/4,  
Taman Perindustrian Bukit Serdang,  
43300 Seri Kembangan,  
Selangor.

## PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang berikut:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai dari Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Organisasi atau institusi yang telah memberikan kerjasama dan membenarkan karya atau bahan terbitannya digunakan sebagai bahan pembelajaran.
- Semua pihak yang terlibat secara secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.

# KANDUNGAN

Pendahuluan

v

UNIT  
1

Fenomena Alam

1-4

UNIT  
2

Baik Hati

5-8

UNIT  
3

Jaga Kesihatan dan  
Keselamatan Diri

9-12

UNIT  
4

Berterima Kasih

13-16

UNIT  
5

Berkomunikasi Secara Sopan

17-20

UNIT  
6

Menghormati Peraturan

21-26

UNIT  
7

Sayangi Bilik Darjah

27-32

**UNIT**  
**8**

**Bersikap Adil**

**33-38**

**UNIT**  
**9**

**Berani Berkomunikasi**

**39-44**

**UNIT**  
**10**

**Kejujuran**

**45-50**

**UNIT**  
**11**

**Rajin Berusaha,  
Pasti Berjaya**

**51-56**

**UNIT**  
**12**

**Mari Bekerjasama**

**57-62**

**UNIT**  
**13**

**Hargai Makanan,  
Tiada Pembaziran**

**63-68**

**UNIT**  
**14**

**Bertoleransi**

**69-74**

# PENDAHULUAN

Pakej buku teks Pendidikan Moral (Masalah Pembelajaran) Tahun 3 ini terdiri daripada buku teks dan buku aktiviti. Buku ini disediakan khas untuk murid bermasalah pembelajaran bukan beragama Islam yang mempelajari Pendidikan Moral. Kedua-dua buku ini ditulis dan digubal berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas KSSRPK (Semakan 2017) Masalah Pembelajaran Pendidikan Moral Tahun 3. Buku ini dihasilkan bagi menerapkan 14 nilai murni dalam diri murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Kesemua nilai murni tersebut diterjemahkan dalam buku ini selari dengan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) agar strategi pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid dapat dilaksanakan oleh guru. Selain itu, murid dapat memahami dan melaksanakan pelbagai aktiviti yang berkaitan sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Buku teks Pendidikan Moral (Masalah Pembelajaran) Tahun 3 menitikberatkan tiga aspek yang terdapat dalam kurikulum iaitu, pemikiran moral, perasaan moral dan pelakuan moral. Tiga aspek ini digabungkan agar murid dapat memahami 14 nilai moral seperti yang dihasratkan. Setiap unit dalam buku ini menghuraikan satu nilai murni secara terperinci mengikut keperluan murid bermasalah pembelajaran Tahun 3. Nilai murni tersebut ialah kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab, berterima kasih, berhemah tinggi, hormat, kasih sayang, keadilan, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan dan toleransi.

Buku aktiviti yang disediakan akan membantu murid melaksanakan aktiviti yang dipelajari dalam buku teks mengikut tahap keupayaan murid. Bagi murid yang telah menguasai aspek pembelajaran, mereka boleh melakukan aktiviti pengayaan dan penilaian. Bagi murid yang kurang menguasai aspek pembelajaran, mereka boleh melakukan aktiviti pemulihan dan penilaian. Kesemua aktiviti ini akan menentukan pencapaian murid dari segi penguasaan kandungan pembelajaran bagi setiap nilai yang dipelajari.

Buku ini juga mementingkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid. Elemen ini memerlukan murid menilai, berfikir, menganalisis, memahami, dan mengaplikasikan nilai moral dalam pelbagai aspek. Penerapan KBAT dalam pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan ilmu pengetahuan murid. Pelbagai kaedah dan aktiviti menarik disediakan dalam buku ini seperti permainan, simulasi, dan nyanyian. Kemahiran berfikir, kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran membuat keputusan juga diterapkan dalam buku ini. Selain itu, elemen merentas kurikulum ditampilkan seperti teknologi maklumat dan komunikasi, kreativiti dan inovasi serta keusahawanan.

Penggunaan buku teks ini dibantu dengan penyediaan ikon tertentu. Ikon tersebut adalah seperti yang berikut:



Merupakan teks utama yang memperkenalkan konsep dan mencetuskan pemikiran murid.



Mengembangkan pemahaman dan pemikiran murid tentang nilai yang dipelajari.



Mengembangkan pemahaman dan pemikiran murid melalui pelbagai aktiviti secara cuba buat.



Membantu murid yang kurang menguasai nilai yang dipelajari dengan menjalankan pelbagai aktiviti mengikut kemampuan.



Merujuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang bersesuaian dengan tahap kognitif murid.



Imbas Saya

Merujuk *QR Code* yang mengandungi maklumat tambahan yang boleh dicapai dengan menggunakan alatan semasa.



Panduan kepada guru untuk membimbing murid mencapai SP yang telah ditetapkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).



Panduan dan cadangan kepada guru untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai mengikut kemampuan murid.

# UNIT 1

# FENOMENA ALAM



Fahami situasi.



I. Apakah fenomena alam yang ditunjukkan dalam situasi di atas?

1.1.1  
1.1.2  
1.1.3



### Nota Guru

- Bimbing murid memahami fenomena alam.
- Bimbing murid menghargai fenomena alam.
- Bimbing murid menjelaskan kepentingan fenomena alam.





# Hargailah Ciptaan Tuhan Ceritakan.



Hujan turun dengan lebatnya. Mary dan Stacy bermain di dalam rumah.



Wah, cantiknya pelangi itu!

Agungnya ciptaan Tuhan.

1. Apakah fenomena yang terdapat dalam cerita di atas?
2. Nyatakan cara mereka menghargai fenomena tersebut.

**Nota Guru**

- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid menzahirkan perasaan syukur.
- Minta murid berkongsi pengalaman mereka menghargai fenomena alam.



# Syukur kepada Tuhan

Baca dan fahami.



1. Namakan fenomena alam ciptaan Tuhan.
2. Bagaimanakah cara Ramesh menghargai fenomena alam tersebut?

1.1.1  
1.1.3  
1.1.4



### Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menghargai fenomena alam.



# Cantiknya Pelangi

Mari kita terokai warna pelangi.


## Alatan dan Bahan



Kertas warna



Kertas bentuk awan



Kertas lukisan



Kapas



Gam

1



Susun dan gam hujung kertas warna pada awan.

2



Gamkan kapas pada awan.

3



Lengkungkan pelangi dan tampal pada kertas lukisan.

4



Hiaskan.



1. Apakah perasaan kamu apabila dapat melihat pelangi?

1.1.3  
1.1.4

### Nota Guru

- Bimbing murid melakukan aktiviti.
- Bimbing murid menghargai fenomena alam.

# UNIT 2

# BAIK HATI

Lihat dan ceritakan.



1. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh Karen?
2. Adakah kamu mengamalkan sikap baik hati terhadap ahli keluarga kamu?

2.1.1  
2.1.2



### Nota Guru

- Bimbing murid memahami perlakuan Karen.
- Bimbing murid menjawab soalan.



# Berkelah di Hujung Minggu

Fahami situasi di bawah.



Bagus, Kalai.  
Ayah bangga  
dengan kamu.

Saya bawa  
tikar.

1. Nyatakan perlakuan yang ditunjukkan oleh Kalai.
2. Apakah perasaan Kalai apabila dapat membantu ahli keluarganya?

#### Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid melakonkan semula perlakuan Kalai.



# Marshaku Sayang

Fahami gambar bersiri di bawah.



1. Apakah tindakan Marsha apabila melihat neneknya sedang mengambil buku yang jatuh itu?
2. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh Marsha?
3. Mengapakah kita perlu mencontohi sikap Marsha?

2.1.1  
2.1.2  
2.1.3  
2.1.4



**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid melakonkan semula perlakuan Marsha.




# Baik Hati kepada Ahli Keluarga

## Mari main peranan.

Arahan: 1) Sediakan kad watak.

2) Lakukan aktiviti main peranan mengikut situasi yang berbeza.



1. Lakukan aktiviti main peranan yang berbeza berdasarkan situasi di atas.
2. Apakah perasaan kamu apabila dapat membantu ahli keluarga seperti aktiviti di atas?

2.1.1  
2.1.2  
2.1.3  
2.1.4

### Nota Guru

- Bimbing murid melakukan aktiviti main peranan di atas.
- Bimbing murid menjawab soalan.

# UNIT 3

## JAGA KESIHATAN DAN KESELAMATAN DIRI

Konsep



Baca dan fahami.

Kita perlu mencuci tangan sebelum ke kantin.

Baiklah.



Menjaga kesihatan diri

Shen, jangan lari. Nanti kamu jatuh.



Menjaga keselamatan diri

1. Bagaimanakah murid di atas bertanggungjawab menjaga kesihatan dan keselamatan diri?
2. Mengapakah kamu perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut?

3.1.1  
3.1.2  
3.1.4



### Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menyatakan contoh lain melaksanakan tanggungjawab menjaga kesihatan dan keselamatan diri di sekolah.





# Jaga Diri, Sihat dan Selamat

Fahami cerita.

1

Chang ingin cepat.



2

Chang berlari dan terjatuh.



3

Chang mengutip kuih yang terjatuh lalu memakannya.



4

Chang sakit perut kerana makan kuih yang tercemar.



1. Apakah tindakan kamu jika berada dalam situasi di atas?

3.1.1  
3.1.2  
3.1.4

**Nota Guru**

- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid menyatakan contoh lain yang menunjukkan sikap bertanggungjawab terhadap kesihatan dan keselamatan diri.




# Sentiasa Bertanggungjawab

Kita buat bersama-sama.

## KESIHATAN DAN KESELAMATAN DIRI DI SEKOLAH

Membuang sisa makanan ke dalam tong sampah.



Menutup mulut ketika batuk atau bersin.



Membasuh tangan sebelum dan sesudah makan.



Tidak mengikut orang yang tidak dikenali.



Memakai pakaian sukan yang sesuai.



1. Berdasarkan poster di atas, nyatakan amalan yang selalu kamu lakukan. Mengapa?

3.1.1  
3.1.2  
3.1.3  
3.1.4



### Nota Guru

- Bimbing murid memahami poster.
- Bimbing murid menyatakan contoh lain yang menunjukkan sikap bertanggungjawab terhadap kesihatan dan keselamatan diri di sekolah.



# Ayuh Laksanakan Main peranan.

1



6



2



5



3



4



## Cara bermain:

1. Pilih giliran.
2. Baling dadu.
3. Nombor dadu menunjukkan perlakuan.
4. Nyatakan perlakuan.
5. Main peranan.



1. Apakah perasaan kamu setelah menjalankan aktiviti di atas?
2. Apakah yang akan berlaku sekiranya kamu tidak melaksanakan tanggungjawab tersebut?

3.1.1  
3.1.2  
3.1.3  
3.1.4

### Nota Guru

- Bimbing murid melaksanakan aktiviti di atas dengan kreativiti masing-masing.
- Bimbing murid memahami kepentingan bertanggungjawab menjaga kesihatan dan keselamatan diri.
- Bimbing murid menyatakan contoh lain sikap bertanggungjawab.

# UNIT 4

# BERTERIMA KASIH



Fahami situasi.



1. Apakah yang dilakukan oleh Kelvin dalam situasi di atas?

4.1.1  
4.1.2




### Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menjawab soalan.



# Berterima Kasih Jadikan Amalan

Fahami situasi di bawah.



1. Nyatakan perlakuan dalam setiap situasi di atas.
2. Bagaimanakah cara kamu menghargai orang lain dalam kehidupan seharian?

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menjawab soalan.



# Terima Kasih, Cikgu

## Mari menyanyi.

Terima kasih, cikgu  
Terima kasih, cikgu  
Mengajarku tanpa jemu  
Kukenang jasamu

Terima kasih, cikgu  
Terima kasih, cikgu  
Kunyangikan lagu ini  
Hadiahku untukmu.

(Adaptasi lagu:  
Selamat Hari Jadi)

### JAMUAN AKHIR TAHUN



Imbas Saya

Layari laman web:  
<http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=977>



1. Apakah yang dilakukan oleh Linda untuk menghargai gurunya?
2. Ceritakan pengalaman kamu menghargai jasa guru.

4.1.1  
4.1.3



#### Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi di atas.
- Bimbing murid menyanyikan lagu mengikut melodi "Selamat Hari Jadi".
- Bimbing murid menjawab soalan.



# Kad Terima Kasih

## Mari menghias.

Pembantu Pengurusan Murid (PPM) telah banyak berjasa kepada kita. Mari kita hargai jasa mereka.

### Alatan dan Bahan



Gam



Keratan huruf dan keratan bunga



Kad manila

1



Murid menampalkan kad terima kasih.

2



Murid menampalkan hiasan.

3



Hasil murid yang telah siap.

4



Murid memberikan kad kepada PPM.

1. Apakah perasaan kamu apabila dapat menunjukkan penghargaan kepada PPM?
2. Ceritakan cara lain yang boleh kamu lakukan untuk menunjukkan penghargaan kepada orang lain.

4.1.3  
4.1.4

#### Nota Guru

- Guru menerangkan maksud PPM kepada murid.
- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid membuat aktiviti.

# UNIT 5

## BERKOMUNIKASI SECARA SOPAN

Konsep



Baca dan sebut.

2

Terima kasih.

1

Selamat datang  
ke rumah panjang  
kami.

1. Bagaimanakah Luise melayan kunjungan pelawat berdasarkan gambar di atas?
2. Mengapakah kita perlu berkelakuan sedemikian semasa berkomunikasi?

5.1.1  
5.1.2



### Nota Guru

- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid menyatakan pelbagai tutur kata sopan yang boleh digunakan semasa berkomunikasi.





# Beradab Sopan Eratkan Hubungan Lakonkan.



1. Mengapakah kamu perlu beradab sopan semasa berbual?

5.1.1  
5.1.2  
5.1.4

### Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menunjuk cara berkomunikasi dengan sopannya.
- Bimbing murid menyatakan perasaan apabila dapat berkomunikasi dengan beradab sopan.



# Telefonku

Mari berkomunikasi.

## Alatan dan Bahan



Gunting



Tali tangsi




Dua cawan kertas

## Cara-cara:



Tebuk lubang.



Masukkan tali.



Ikat tali.

Awak apa khabar?



Khabar baik.



Tegangkan tali dan berbual.

1. Apakah perasaan kamu setelah menjalankan aktiviti di atas?
2. Nyatakan kata-kata sopan yang kamu pelajari.

5.1.3  
5.1.4



### Nota Guru

- Bimbing murid membuat aktiviti dan lakonkan.
- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid menyatakan cara lain mereka berkomunikasi dengan sopannya.




# Bersopan Amalan Kami

Baca dan amalkan.

## Kelas 3 Bijak

Izinkan saya ke tandas.



Tahniah!

Semoga kamu juga berjaya.



Jemputlah minum.



Terima kasih.

 KAMI BERSOPAN

Maafkan saya.




Aduh!

Boleh saya tolong kamu?



Terima kasih.

Boleh saya pinjam?



Ya, boleh.

Bersopan Amalan Mulia

1. Berdasarkan poster di atas, senaraikan kata sopan yang diucapkan.
2. Mengapakah kita perlu mengamalkan tutur kata sopan?

5.1.1  
5.1.2  
5.1.4

### Nota Guru

- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.
- Bimbing murid supaya sentiasa berhemah dengan menuturkan kata bersopan.

# UNIT 6

# MENGHORMATI PERATURAN

Konsep



Fahami peta buih di bawah.



1. Nyatakan peraturan yang terdapat dalam peta buih di atas.
2. Sekiranya kamu berlari di dalam bilik darjah, apakah yang mungkin terjadi? Bincangkan.

6.1.1  
6.1.2  
6.1.3



### Nota Guru

- Bimbing murid menyatakan peraturan bilik darjah.
- Bimbing murid menjawab soalan.



# Hormati Peraturan, Jadikan Amalan Fahami.



Jangan buang sampah merata-rata.



Buang sampah ke dalam bakul sampah.



Kita perlu menghormati peraturan bilik darjah.



1. Nyatakan peraturan bilik darjah dalam situasi di atas.
2. Mengapakah kamu perlu menjaga kebersihan bilik darjah?
3. Apakah kesan yang mungkin berlaku jika kita tidak menghormati peraturan di dalam bilik darjah?

6.1.2  
6.1.3  
6.1.4

**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menjawab soalan.



## Bandingkan.



Kelas 3 Bijak



Kelas 3 Cerdik

1. Murid di dalam bilik darjah manakah yang mematuhi peraturan?
2. Bandingkan dan bincangkan situasi kedua-dua bilik darjah di atas.

6.1.1  
6.1.2  
6.1.3



### Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan membuat perbandingan situasi.
- Bimbing murid memahami kepentingan menghormati peraturan dalam situasi di atas.
- Bimbing murid menjawab soalan.



# Patuhi Peraturan

Fahami peraturan di bawah.

## Bilik Masakan

- Masuk dengan kebenaran guru.
- Bersihkan semula alatan selepas digunakan.

## Bilik Muzik

- Ambil alat muzik dengan kebenaran guru.
- Keluar dengan kebenaran guru.

## Bilik Sukan

- Susun alatan sukan di tempat yang betul.
- Tutup semula pintu setelah menyimpan alatan sukan.

1. Bincangkan kebaikan yang akan kamu peroleh apabila mematuhi peraturan yang ditetapkan.
2. Adakah kamu mematuhi peraturan yang ditetapkan di bilik darjah kamu? Ceritakan.

6.1.1  
6.1.2  
6.1.3




### Nota Guru

- Bimbing murid memahami peraturan bilik darjah.
- Bimbing murid menjawab soalan.



# Hormati Peraturan, Diri Selamat

Fahami cerita di bawah.



1. Apakah yang telah berlaku dalam cerita di atas?
2. Bincangkan kepentingan mematuhi peraturan berdasarkan cerita.

6.1.1  
6.1.2  
6.1.3



**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami cerita di atas.
- Bimbing murid menjawab soalan.





# Hormati Peraturan Bilik Darjah

Jalankan aktiviti.



## Senarai Semak Menghormati Peraturan Bilik Darjah

Nama: Madan Juan      Kelas: 3 Arif  
Tarikh: \_\_\_\_\_      Hari: \_\_\_\_\_

Peraturan	✓	X
Beratur sebelum masuk ke bilik darjah.		
Duduk di kerusi.		
Angkat tangan sebelum bertanya.		
Susun semula buku.		

Penilai:

1. Sediakan borang.

2. Pemerhatian dilakukan oleh rakan.

3. Rakan menandakan hasil pemerhatian.

4. Guru membuat rumusan berdasarkan keputusan.

5. Tampilkan senarai semak murid yang berjaya menghormati peraturan.



1. Apakah perasaan kamu apabila berjaya menghormati kesemua peraturan?

6.1.1  
6.1.3  
6.1.4

### Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan menanda borang senarai semak.
- Rumuskan keputusan borang senarai semak setiap murid.
- Bimbing murid menjawab soalan dan menyatakan kepentingan menghormati peraturan bilik darjah.

# UNIT 7

# SAYANGI BILIK DARJAH



Ceritakan.


1



2



3



1. Apakah pandangan kamu terhadap bilik darjah di atas?
2. Bagaimanakah cara mereka menyayangi bilik darjah?

7.1.1  
7.1.3  
7.1.4



### Nota Guru

- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid menyatakan cara mereka menyayangi bilik darjah.



# Bilik Darjah Ceria

Mari berpantun.

Anak gajah dari Banjar,  
Dibawa raja gendang dipalu;  
Bilik darjah tempat belajar,  
Bersih dan ceria dijaga selalu.

Berjalan ke mudik si anak itik,  
Di tepi kota dikejar ungka;  
Hiasi bilik agar cantik,  
Pasti kita berasa suka.



Imbas Saya

Layari laman web:

<http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=1247>



I. Nyatakan cara mereka menyayangi bilik darjah.


### Nota Guru

- Bimbing murid melafazkan pantun.
- Bimbing murid menunjuk cara melakukan aktiviti sayang akan bilik darjah.



## Bilik Darjahku Sayang

Baca dan fahami.



Kami sayang akan bilik darjah kami. Sebelum pembelajaran bermula, kami akan memastikan bilik darjah bersih dan cantik.

Apabila bilik darjah cantik dan ceria, kami selesa untuk belajar. Kami berasa sungguh gembira.



1. Apakah kepentingan menyayangi bilik darjah?
2. Ceritakan perasaan kamu apabila bilik darjah bersih dan ceria.
3. Nyatakan cara lain menyayangi bilik darjah.

7.1.1  
7.1.2  
7.1.3



### Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menjawab soalan.



# Semakin Cantik, Semakin Sayang

Lihat dan amalkan.





1. Ceritakan cara mereka menjaga keceriaan bilik darjah.
2. Nyatakan amalan manakah yang kamu lakukan.
3. Apakah perasaan yang kamu peroleh setelah mempraktikkan perlakuan di atas?

7.1.1  
7.1.2  
7.1.3  
7.1.4

**Nota Guru**

- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid menyatakan perasaan setelah melakukan amalan di atas.
- Bimbing murid memberikan contoh lain sikap sayang akan bilik darjah.



# Ceria Bilik Darjah, Ceria Belajar

Mari ceriakan bilik darjah.

## Alatan dan Bahan



Pengokot



Pita dwipelekat



Kertas warna berbentuk bunga

## Cara-caranya:

1



Cantumkan bunga pada kelopak bunga yang lain.

2



Cantumkan bunga bersilang warna.

3



Tampalkan pita dwipelekat pada belakang kelopak bunga.

4



Tampalkan pada dinding bilik darjah dan hiaskan.

1. Apakah perasaan kamu setelah dapat melaksanakan aktiviti di atas?
2. Apakah kebaikan menghias bilik darjah kamu?
3. Nyatakan aktiviti lain yang boleh kamu lakukan untuk menceriakan bilik darjah kamu.

7.1.2  
7.1.3  
7.1.4

### Nota Guru

- Bimbing murid membuat aktiviti.
- Ubah suai aktiviti mengikut kreativiti guru.
- Bimbing murid menyatakan perasaan mereka selepas melakukan aktiviti.

# UNIT 8


# BERSIKAP ADIL

Konsep



Fahami.

Sebelum pulang, guru mengagihkan muffin kepada Indah dan kawan-kawannya. Indah tidak sabar untuk makan muffin tersebut bersama-sama dengan adik dan kakaknya di rumah nanti.



1. Apakah yang difikirkan oleh Indah?
2. Bagaimanakah Indah membahagikan muffin itu supaya adik-beradiknya berpuas hati? Bincangkan.

8.1.1  
8.1.2  
8.1.4



#### Nota Guru


- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menjawab soalan.





# Juju yang Adil

Fahami situasi di bawah.



1. Apakah sikap terpuji yang ditunjukkan oleh Juju?
2. Mengapakah Juju bersikap sedemikian?

8.1.1  
8.1.2  
8.1.3

**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menjawab soalan.




# Bersikap Adil, Semua Gembira

Fahami situasi di bawah.

1



Kai Yang



2



Mei Mei



1. Berdasarkan pemerhatian kamu, siapakah yang bersikap adil kepada ahli keluarganya?
2. Sekiranya kamu ialah Kai Yang, apakah tindakan kamu?
3. Apakah perasaan kamu apabila dapat bersikap adil kepada ahli keluarga?

8.1.1  
8.1.2  
8.1.3



**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami situasi di atas.
- Bimbing murid menjawab soalan.



# Bersikap Adil, Semua Gembira Mari lakonkan.

Jesvinder, agihkan  
piza ini kepada  
semua ahli keluarga.

Baiklah ibu,  
saya akan  
agihkan secara  
adil.






Sediakan bahan.



Agihkan piza.



Bahagikan piza dengan adilnya.



Piza yang telah diagikan secara adil.

1. Apakah perasaan kamu selepas menjalankan aktiviti di atas?
2. Dalam kehidupan seharian, adakah kamu mempraktikkan sikap tersebut kepada ahli keluarga? Ceritakan.

8.1.2  
8.1.3  
8.1.4



**Nota Guru**

- Sediakan bahan untuk murid menjalankan aktiviti.
- Bimbing murid melakukan aktiviti.
- Pelbagaikan jenis makanan yang hendak diagikan mengikut kreativiti guru.
- Bimbing murid menjawab soalan.



Mari lakonkan situasi di bawah.



1. Apakah sikap terpuji yang kamu lakukan?
2. Nyatakan kebaikan yang diperoleh setelah kamu bersikap sedemikian. Bincangkan.

8.1.1  
8.1.2  
8.1.4

**Nota Guru**

- Guru menyediakan jumlah alat mengikut kesesuaian murid.

# UNIT 9

# BERANI BERKOMUNIKASI

Konsep

Fahami situasi.

1 Pak Cik Rahim, Cikgu Elly minta sampul surat putih.

2 Baiklah. Nanti saya ambilkan.

3 Terima kasih.

1. Mengapakah murid perlu yakin semasa berkomunikasi?
2. Apakah yang akan berlaku sekiranya murid malu untuk berkomunikasi?

9.1.1  
9.1.2



### Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menyatakan pelbagai contoh lain sikap berani berkomunikasi.



# Tindakan Berani

Ceritakan.

1 Minta kebenaran daripada Cikgu Shah untuk sertai kelas inklusif Pendidikan Jasmani.



2 Baiklah, cikgu.

3 Cikgu Shah, saya akan sertai kelas inklusif Pendidikan Jasmani kelas cikgu.



4 Baiklah, silakan.

1. Nyatakan perlakuan yang ditunjukkan oleh murid.
2. Nyatakan perasaan kamu apabila bersikap berani berkomunikasi seperti murid di atas.

9.1.1  
9.1.2  
9.1.3

- Nota Guru**
- Bimbing murid memahami situasi.
  - Bimbing murid mengamalkan sikap berani dalam diri.
  - Bimbing murid menyatakan cara lain berani berkomunikasi.



# Berkomunikasi dengan Warga Sekolah

Fahami situasi.

## Situasi 1



Mak Cik Ina, berapakah harga pensel ini?

Harganya seringgat, Adul.

## Situasi 2



Maris, ayah kamu pesan supaya tunggu di sini.

Baiklah, pak cik. Terima kasih.

1. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh murid di atas?
2. Nyatakan kebaikan apabila kamu yakin berkomunikasi dengan warga sekolah.

q.1.1  
q.1.2  
q.1.3  
q.1.4



### Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menyatakan kebaikan bersikap berani berkomunikasi.
- Bimbing murid mengamalkan sikap berani.





Mari bermain.

## Alatan dan Bahan

- papan permainan
- buah dadu
- penanda mengikut bilangan pemain

## Cara bermain

1. Permainan ini boleh dimainkan oleh dua orang atau lebih.
2. Pemain memilih penanda masing-masing.
3. Pemain pertama melontar dadu.
4. Gerakkan penanda mengikut nombor pada buah dadu.
5. Lakukan aktiviti komunikasi mengikut giliran.
6. Pemain pertama yang berjaya sampai di garisan penamat merupakan pemenang.



27	28	29 Melaporkan kehilangan duit kepada guru.	30 TAHNIAH ! Kamu berani berkomunikasi.
22	21 Meminta izin guru untuk minum.	20	19 Bertanyakan harga alat tulis di koperasi sekolah.
15	16	17	18
10	9 Bertanya khabar kepada kerani.	8	7
3 Meminta kebenaran untuk ke tandas.	4	5 Beritahu guru kamu sakit perut.	6



1. Apakah sikap yang kamu tunjukkan semasa melakukan aktiviti di atas?
2. Nyatakan perasaan kamu setelah berjaya menamatkan permainan di atas.

9.1.2  
9.1.3  
9.1.4



**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami cara bermain.
- Bimbing murid menyelesaikan tugas.



# Berani Berkomunikasi

Mencipta boneka tangan.

## Alatan dan Bahan



Beg kertas



Hiasan daripada kertas warna



Gam


## Cara-cara:

1



Gam kertas warna hitam pada beg untuk dijadikan rambut.

2



Tampalkan dan hiaskan boneka dengan hiasan yang sesuai.

3



Berkomunikasi dengan rakan menggunakan boneka tangan.



1. Apakah perasaan kamu setelah melakukan aktiviti di atas?

9.1.2  
9.1.3  
9.1.4

### Nota Guru

- Sediakan dialog yang sesuai untuk aktiviti ini.
- Bimbing murid sentiasa bersikap berani berkomunikasi jika perlu.
- Bimbing murid menunjukkan cara lain berkomunikasi di sekolah.

# UNIT 10

# KEJUJURAN



Fahami situasi di bawah.

Saya terjumpa jam ini di sana.

Baik Rima, nanti kita akan pulangkan semula.



1. Apakah tindakan Rima setelah dia menjumpai jam tangan itu?
2. Sekiranya kamu ialah Rima, apakah tindakan kamu?

10.1.1  
10.1.2  
10.1.4



### Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menjawab soalan.



# Maafkan Saya

Fahami situasi.

Sarah, saya minta maaf. Saya tidak sengaja koyakkannya.



1. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh Devi?
2. Apakah kepentingan yang kita peroleh apabila bersikap jujur dengan rakan? Bincangkan.

10.1.1  
10.1.2  
10.1.3


**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid memahami kepentingan bersikap jujur dalam situasi di atas.



# Bersikap Jujur

Fahami cerita di bawah.



1. Berdasarkan cerita di atas, apakah sikap terpuji yang ditunjukkan oleh Siva?
2. Apakah kebaikan yang diperoleh apabila kita bersikap jujur?

10.1.1  
10.1.2  
10.1.3



**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami cerita di atas.
- Bimbing murid menyatakan sikap jujur lain dengan rakan mereka.



**Mari lakukan.**

Kelas 3 Cekal menjalankan Projek Jualan Penanda Buku bersempena dengan Minggu Usahawan Muda.



**Hasilkan penanda buku.**



**Penanda buku yang telah siap untuk dijual.**



**Jual kepada rakan.**



**Masukkan duit ke dalam tabung.**



Jual kepada guru.



Masukkan duit ke dalam tabung.



Serah tabung hasil jualan kepada bendahari Kelas 3 Cekal.



1. Apakah sikap yang telah kamu tunjukkan dalam aktiviti di atas?
2. Sekiranya kamu mengamalkan sikap di atas, apakah kebaikannya?

10.1.2  
10.1.3  
10.1.4



**Nota Guru**

- Bimbing murid melakukan aktiviti di atas.
- Aktiviti boleh ditukar mengikut kreativiti guru dan kesesuaian murid.
- Bimbing murid menjawab soalan.






## Jujur dengan Rakan

Mari lakonkan situasi di bawah.

Ketika keluar dari tandas, Agus ternampak jam tangan di tepi singki. Agus tahu jam tangan tersebut kepunyaan Musa. Agus telah memulangkan jam tangan tersebut kepada Musa. Agus seorang rakan yang jujur.



Ini jam tangan kamu.  
Saya jumpa di bilik air tadi.

Terima kasih, Agus.

1. Ceritakan sikap yang kamu tunjukkan dalam lakonan tadi.
2. Apakah perasaan kamu apabila bersikap jujur?

10.1.3  
10.1.4

### Nota Guru

- Bimbing murid melakonkan situasi.
- Bimbing murid menyatakan perasaan selepas bersikap jujur.

# UNIT 11

# RAJIN BERUSAHA, PASTI BERJAYA



Fahami gambar.



1. Apakah sikap rajin yang ditunjukkan pada gambar di atas?
2. Ceritakan kebaikan daripada sikap yang ditunjukkan.

11.1.1  
11.1.2  
11.1.4






#### Nota Guru

- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid menyatakan kebaikan bersikap rajin.



# Dino yang Rajin

Fahami gambar dan ceritakan.





Setiap hari Dino berlatih bersungguh-sungguh melompat dari pokok ke pokok.



5 Tahniah, Dino!

6 Terima kasih, saya sungguh gembira.

Dengan usaha yang berterusan dan gigih, akhirnya Dino berjaya.



1. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh Dino?
2. Nyatakan perkara yang diperolehi daripada usaha yang ditunjukkan di atas.

11.1.1  
11.1.2  
11.1.3  
11.1.4



#### Nota Guru

- Bimbing murid memahami cerita.
- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid menyatakan contoh lain sikap rajin.



## Kerajinan Mendatangkan Hasil Bincangkan.

Elsa pandai bermain piano. Dia berlatih setiap hari untuk menjadi mahir. Ini ialah jadual latihan Elsa.



Hari	Latihan	Waktu
Isnin	Membaca not lagu.	4:30 - 5:30 petang
Rabu	Latihan gerakan jari mengikut not lagu.	4:30 - 5:30 petang
Jumaat	Latihan gerakan jari mengikut not lagu.	3:00 - 4:00 petang
Sabtu	Bermain piano mengikut not.	8:30 - 10:00 pagi
Ahad	Bermain piano mengikut not.	8:30 - 10:00 pagi



1. Berdasarkan jadual di atas, apakah sikap yang ditunjukkan oleh Elsa?
2. Nyatakan kebaikan sikap yang ditunjukkan.



# Rajin Berusaha, Pasti Berjaya

Baca dan fahami.



Lisa ada seekor anjing bernama Ginger. Lisa ingin Ginger menyertai pertandingan Anjing Paling Tangkas. Lisa berjaya melatihnya sehingga menjadi juara. Yang berikut ialah rutin Lisa.



## Rutin saya

1. Memberi Ginger makan dan minum.
2. Melatih Ginger melompat.
3. Membersih dan mendandan Ginger.
4. Melatih Ginger mengikut arahan.



1. Berdasarkan gambar di atas, apakah sikap yang ditunjukkan oleh Tom?



11.1.1  
11.1.2  
11.1.3  
11.1.4



### Nota Guru

- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid menyatakan kebaikan bersikap rajin.



# Projek Tanaman Cili

Mari menanam.

## Alatan dan Bahan



Bekas tanaman



Benih cili



Sarung tangan



Sudip tangan



Penyiram air

1



Semai benih cili.

2



Pastikan air mencukupi.

3



Tukar ke bekas yang lebih besar.

4



Memetik dan menjual hasil tanaman.



1. Apakah sikap yang perlu ada semasa melakukan aktiviti ini?
2. Nyatakan perasaan kamu setelah berusaha bersungguh-sungguh melakukan aktiviti ini.

### Nota Guru

11.1.1  
11.1.3  
11.1.4

- Bimbing murid melakukan aktiviti dan menjawab soalan.
- Bimbing murid menyatakan contoh lain sikap rajin.

# UNIT 12

# MARI BEKERJASAMA



Lihat dan ceritakan.

Sekolah Kebangsaan Pekan Nenas akan mengadakan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang. Oleh itu, warga sekolah tersebut telah bekerjasama membuat persiapan untuk majlis itu.



1. Berdasarkan pemerhatian kamu, apakah yang sedang dilakukan oleh warga sekolah di atas?
2. Apakah sikap terpuji yang ditunjukkan oleh warga sekolah di atas?

12.1.1  
12.1.2  
12.1.4



### Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menjawab soalan.





# Bekerjasama Hati Gembira

Fahami situasi.

Minggu lepas, saya dan rakan-rakan telah mengikuti lawatan sambil belajar ke Taman Burung dan Rama-rama. Di sana, kami telah melakukan pelbagai aktiviti.



1

8:30 pagi


Menaiki bas.

10:00 pagi

Di taman burung dan rama-rama.



2



3

12:00 tengah hari

Persiapan makan tengah hari.

4



Mengagihkan makanan.

2:00 petang

Membersihkan  
semula kawasan.



5

6



Kami semua gembira.

1. Berdasarkan cerita di atas, apakah sikap yang boleh kamu contohi?
2. Adakah kamu mempraktikkan sikap tersebut dengan warga sekolah? Ceritakan.
3. Jika kamu mengamalkan sikap tersebut, apakah kebaikannya? Bincangkan.

12.1.1  
12.1.2  
12.1.3  
12.1.4



**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami situasi di atas.
- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid melaksanakan salah satu situasi bekerjasama di atas.



# Bekerjasama Amalan Mulia

Mari lakukan.

Saya, rakan-rakan sekelas dan guru telah bekerjasama menyiapkan tampalan ikan semasa sesi pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Kami bekerjasama menggunting, menggulung kertas dan menampal keratan. Tugas dapat diselesaikan dengan lebih cepatnya. Tampalan ikan ini akan dilekatkan pada dinding kelas kami. Kelas menjadi lebih ceria. Kami semua berpuas hati dan gembira.



Imbas Saya

Layari laman web:

<http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=1102>

1. Ceritakan semula sikap yang ditunjukkan dalam cerita di atas.
2. Apakah yang mungkin berlaku sekiranya mereka tidak melakukan tugas bersama-sama?

12.1.1  
12.1.2  
12.1.3  
12.1.4

### Nota Guru

- Bimbing murid memahami melakukan aktiviti di atas.
- Sediakan bahan untuk melaksanakan aktiviti.
- Bimbing murid menjawab soalan.



# Indahnya Bekerjasama

Lihat dan ceritakan.



1. Apakah sikap yang perlu ada bagi setiap ahli kumpulan untuk menjayakan persembahan di atas?
2. Nyatakan kebaikan yang diperolehi apabila setiap ahli kumpulan memainkan peranan masing-masing.

12.1.1  
12.1.2  
12.1.3  
12.1.4



#### Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menjawab soalan.



# Laju Si Ulat Gonggok

Mari bermain.



Imbas Saya

Layari laman web:  
<http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=978>

1. Apakah sikap yang perlu ada untuk kumpulan kamu sampai di garisan penamat?
2. Nyatakan perasaan kamu apabila berjaya sampai di garisan penamat.

#### Nota Guru

- Bimbing murid melakukan aktiviti berdasarkan kreativiti guru.
- Bimbing murid menyatakan contoh lain sikap bekerjasama.
- Bimbing murid supaya sentiasa bekerjasama.

# UNIT 13

# HARGAI MAKANAN, TIADA PEMBAZIRAN



Fikirkan.

1

Hendak tambah  
kuih lagi?

2

Ini sudah mencukupi.  
Saya tidak mahu  
membazir makanan.

1. Apakah perlakuan yang ditunjukkan oleh murid di atas?
2. Adakah sikap mereka boleh dicontohi? Mengapa?

13.1.1  
13.1.2  
13.1.3  
13.1.4



### Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid memahami sikap bersederhana apabila makan.
- Bimbing murid menyatakan mengapa perlu mengelakkan pembaziran makanan.



# Ambil Ikut Keperluan

Fahami situasi.

June, sayur ini hasil dari kebun kita. Semua murid boleh ambil.

Saya ambil satu ikat sudah cukup.




1. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh June?
2. Adakah kamu akan mencontohi sikap June?
3. Mengapakah June tidak mengambil lebih daripada satu?

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid memberikan contoh lain sikap bersederhana.




# Hormati Orang Lain

Fikir dan ceritakan.



Situasi 1



Situasi 2

1. Apakah sikap yang ditunjukkan dalam situasi di atas?
2. Mengapakah kamu perlu bersikap sedemikian?



- 13.1.1
- 13.1.2
- 13.1.3
- 13.1.4



**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami konsep bersederhana dalam situasi di atas.
- Minta murid menunjuk cara sikap bersederhana yang lain di sekolah .
- Minta murid mengamalkan sikap bersederhana.





# Ikut Sukatan, Enak Rasanya

Mari lakukannya.

## Alatan dan Bahan



Cawan dan sudu kecil



Air suam



Serbuk koko



Susu pekat manis



1

Tuang air suam ke dalam cawan.

2



Masukkan dua sudu kecil serbuk koko.

3



Masukkan satu sudu kecil susu pekat manis.

4



Kacau dan sedia untuk diminum.

1. Adakah kamu menggunakan bahan di atas mengikut sukatan?
2. Mengapakah perlu sukatan semasa melakukan tugas di atas?
3. Nyatakan perasaan kamu setelah selesai melakukan aktiviti.

- Bimbing murid melakukan aktiviti.
- Bimbing murid menyatakan cara lain sikap bersederhana di sekolah.



# Bersederhana di Sekolah

Mari nyanyikan.

Bersederhana  
Peribadi mulia  
Semua orang suka  
Amalkan sama-sama  
(ulang 2 kali)

Mengguna alatan ikut keperluan  
Supaya berjimat elak pembaziran  
Bersikap cermat pada barangan  
Supaya semua dapat gunakan  
(ulang korus 1 kali)

Mari kita sama amalkan  
Bersederhana dalam perbuatan  
Berpada-pada semasa makan  
Tiada dibuang, tiada pembaziran.  
(ulang korus 1 kali)



Layari laman web:  
<http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=1100>

1. Apakah sikap yang ditunjukkan dalam lagu di atas?
2. Apakah perasaan kamu apabila dapat bersikap seperti mereka?
3. Nyatakan kebaikan bersikap sederhana semasa di sekolah.

13.1.1  
13.1.2  
13.1.3  
13.1.4



#### Nota Guru

- Bimbing murid menyanyi mengikut irama lagu "Rasa Sayang Eh".
- Bimbing murid memberikan contoh lain sikap bersederhana.



# Guna Ikut Keperluan

Mari menabung.

## Alatan dan Bahan



Bekas berbentuk silinder



Kertas bercorak



Pita pelekat



Gunting

## Cara-cara:

1



Guna kertas pembalut ikut keperluan.

2



Gunakan pelekat secukupnya.

4



Tebuk lubang duit (minta bantuan guru).

3



Bersederhana ketika berbelanja. Mulakan menabung.

1. Adakah kamu menggunakan bahan mengikut keperluan?
2. Kongsikan perasaan kamu setelah menghasilkan tabung yang cantik.

13.1.1  
13.1.2  
13.1.3  
13.1.4

### Nota Guru

- Bimbing murid melakukan aktiviti.
- Bimbing murid memahami konsep bersederhana dalam situasi di atas.

# UNIT 14

# BERTOLERANSI



Baca dan fahami.



1. Apakah sikap terpuji yang ditunjukkan oleh Jesvinder?

14.1.1  
14.1.2  
14.1.3  
14.1.4



### Nota Guru


- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid menyatakan kebaikan sikap bertoleransi.



## Sabar Sikap Terpuji Fahami.

Sekolah Rudi mengadakan Pameran Reka Cipta Sains. Pelbagai ciptaan sains dipamerkan. Robot Wira antara ciptaan yang mendapat perhatian warga sekolah.


Saya mahu bergambar di sebelah Robot Wira.



Saya juga mahu bergambar di sebelah Robot Wira.



Saya perlu bersabar. Dia lebih kecil daripada saya.



1. Nyatakan sikap yang ditunjukkan oleh Rudi?
2. Apakah kebaikan yang diperoleh apabila kita bertoleransi?
3. Adakah kamu pernah bertoleransi dengan rakan sekolah?

14.1.1  
14.1.2  
14.1.3  
14.1.4


### Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi di atas.
- Bimbing murid menjawab soalan.



## Murid Bertoleransi

Fahami peta minda dan situasi di bawah.



1. Berdasarkan peta minda di atas, apakah kepentingan yang diperoleh apabila kita bertoleransi?
2. Adakah sikap murid dalam situasi di atas harus dipuji? Bincangkan.

14.1.1  
14.1.2  
14.1.3  
14.1.4



### Nota Guru

- Bimbing murid memahami peta minda dan situasi di atas.
- Bimbing murid menjawab soalan.




# Tindakan yang Berani

Mari bermain.

## Cara Bermain:

1. Baling dadu mengikut giliran.
2. Jumlah yang ditunjukkan pada dadu mewakili nombor soalan.
3. Fahami situasi yang ditunjukkan.
4. Buat keputusan dengan menunjukkan gambar pilihan.

Jumlah lontaran dadu	Situasi	Tindakan yang sepatutnya



Jumlah lontaran dadu	Situasi	Tindakan yang sepatutnya	



1. Apakah perasaan kamu apabila berjaya mengamalkan sikap bertoleransi?

14.1.1  
14.1.2  
14.1.3  
14.1.4



**Nota Guru**

- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.
- Beri token kepada murid yang memilih untuk bertoleransi.
- Bimbing murid melakonkan semula salah satu situasi di atas.





# Mari Toleransi

Mari jalankan aktiviti di bawah.



Imbas Saya



Imbas Saya



Imbas Saya

## Cara:

1. Murid memilih salah satu gambar.
2. Murid mendengar rakaman *QR Code*.
3. Murid menjawab soalan situasi yang diperdengarkan.




Imbas Saya



Imbas Saya



Imbas Saya

- 
1. Apakah kebaikan yang diperoleh apabila kita bertoleransi di sekolah?
  2. Apakah perasaan kamu apabila kamu bertoleransi? Ceritakan.

### Nota Guru

14.1.1  
14.1.2  
14.1.3  
14.1.4

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menjawab soalan.

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

<b>Skim Pinjaman Buku Teks</b>			
<b>Sekolah</b> _____			
Tahun	Darjah	Nama Penerima	Tarikh Terima
Nombor Perolehan: _____			
Tarikh Penerimaan: _____			
<b>BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL</b>			